

	SUBUH	ZUHR	ASAR	MAGRIB	ISYAK
SHAH ALAM	6:08	1:30	4:44	7:28	8:38
SEREMBAN	6:06	1:28	4:42	7:28	8:37
MELAKA	6:06	1:27	4:41	7:27	8:37

♦ Fokus

Nilai 3 pusat borong terbesar di NS



DERETAN rumah kedai yang menawarkan pelbagai barangan dengan harga murah di Nilai 3.

Oleh Kamaliza Kamaruddin

JIKA Tampak di Johor terkenal dengan kainnya yang murah, Air Hitam juga di Johor dengan koleksi pasannya, Nilai 3 di Negeri Sembilan pula terkenal sebagai pusat borong terbesar.

Nilai 3 adalah pusat borong yang menempatkan sebanyak 150 unit rumah kedai yang menjual pelbagai barangan keperluan harian pada harga lebih murah berbanding pasaran biasa.

Selot saja apa yang anda mahukan, semuanya ada di sini. Daripada barangan dapur, perabot kayu pati dan moduk, barangan elektrik, pakaian, peralatan landskay, barangan kraf, barangan, perhiasan rumah, restoran, kedai runcit dan makanan laut yang dikongkakan.

Nilai 3 mula beroperasi kira-kira setahun lalu dan kerajaan negeri memilihnya sebagai lokasi Karnival Jalan Mega peringkat Negeri Sembilan bermula Disember 2002 sehingga 26 Januari lalu.

Dengan kerjasama erat kerajaan negeri, Majlis Perbandaran Nilai (MPN) dan pemaaju Nilai 3, tidak mustahil ia menjadi destinasi pelancongan terkemuka negeri ini setaraf pusat borong luar negara.

Ini kerana lokasinya hanya 17 kilometer dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan Litar Formula 1, Sepang, manakala 32 kilometer dari Putrajaya dan Cyberjaya yang membolehkan mudah lalu tercapai.

Malah, Majlis Tindakan Pelancongan Negeri Sembilan mengadakan pelbagai aktiviti kebudayaan pelbagai kaum sebagai usaha menarik pelancong asing ke Nilai 3.

Sehingga kini, kebanyakan barangan dibeli secara terus dari kilang manakala barangan import adalah dari China menyebabkan harganya lebih murah tetapi kualiti tetap menjadi keutamaan.

Setiasa MPN, Yugu Yunos, berkata Nilai 3 kini menjadi tumpuan pelancong terutama bujang minggu dengan bilangan pengunjung dianggarkan lebih seribu pada satu-tahu masa.

Pengunjung sika ke Nilai 3 kerana mahu mendapatkan pelbagai barangan keperluan, termasuk cenderamata sebagai hadiah kenangan.

Menteri Besar, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad, turut mencadangkan supaya Nilai 3 dijadikan sebagai gudang kilang bagi memudahkan orang ramai mendapatkan barangan berjenama pada harga murah.

Selain itu, Nilai 3 adalah pasaran yang boleh menjamin sesuatu produk laris berikutan peningkatan bilangan pelancong.

Nilai 3 terletak di kawasan perrengahan zon perindustrian ringan terbesar di Negeri Sembilan. Saya yakin dengan kerjasama banyak pihak, Nilai 3 mampu menjadi mercu tanda aktiviti ekonomi yang rancak, sekali gus menjadikan Nilai sebagai destinasi pelancongan yang baru dan menarik," katanya.



BUNGA hiasan menjadi tarikan utama untuk golongan wanita.



ANTARA air pancut pesu hiasan yang dapat sambutan baik daripada pelanggan.